




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

SELASA  
24 Februari 2026



# ‘Hampir 2 juta kerja bawah tahap kemahiran sebenar’

**KESUMA umum peruntukan RM5 juta perkasa kebolehpasaran graduan**

Oleh Suraya Ali  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Isu ketidakpadanan bakat kini menjadi cabaran serius buat negara apabila 1.96 juta rakyat Malaysia dilaporkan berada dalam kategori guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R Ramanan, berkata data Laporan Tenaga Buruh Suku Keempat 2025 menunjukkan satu realiti membimbangkan meskipun kadar pengangguran negara kini stabil pada paras 2.9 peratus.

Beliau berkata, angka itu mencerminkan pembaziran potensi yang besar kerana hampir dua juta tenaga kerja negara bekerja di bawah tahap kemahiran sebenar mereka.

“Ini bermakna secara purata satu daripada tiga graduan yang menamatkan pengajian di universiti hari ini bekerja dalam bidang tidak sejajar dengan kelayakan akademik mereka.

“Penjajaran bakat dengan keperluan industri mesti menjadi keutamaan nasional jika



Ramanan merasmikan Pusat Eksplorasi Kerjaya MYFutureJobs di NU Sentral, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

kita mahukan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan mobiliti sosial yang lebih baik,” katanya berucap merasmikan Pusat Eksplorasi Kerjaya MYFutureJobs (MYCEC) di NU Sentral, di sini, semalam.

Bagi menangani isu itu secara konkrit, Ramanan mengumumkan peruntukan RM5 juta daripada Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk memperkasa kebolehpasaran graduan.

Beliau berkata, inisiatif bermula April ini membabitkan 400 institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara.

“Kita tidak mahu mahasiswa

hanya mula meneroka masa depan mereka selepas tamat pengajian. Sebaliknya kita mahu mereka memilih kerjaya bersesuaian dengan kemahiran, bukannya sekadar mengikut rakan kerana bimbang ketinggalan,” katanya.

## Lancar Hab Imersif Pertama

Terdahulu, beliau melancarkan MYCEC, iaitu Hab Imersif Pertama di Malaysia.

Pusat ini menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk menganalisis data pencari kerja secara mendalam bagi memastikan padanan tepat dengan keperluan industri semasa.

“MYCEC bertindak sebagai jambatan strategik supaya pen-

cari kerja tidak lagi tersalah pilih jalan. Kita bimbing mereka secara profesional sejak awal lagi,” katanya.

Pada majlis sama, Ramanan turut menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara PERKESO dan RHB Bank Berhad yang bakal memberi manfaat kepada 618,000 pengguna aktif Kad Debit-i My-Siswa RHB melalui akses portal MYFutureJobs.

Beliau juga menyampaikan surat tawaran kerja kepada lima individu berjaya memperoleh pekerjaan dengan gaji RM5,000 ke atas melalui sistem MYFutureJobs, sebagai bukti keberkesanan inisiatif digital Kementerian itu.

## MASALAH LIF DI KONDO VENICE HILL

# Ini pencerahan JKKP dan COB

Oleh Nor Syazrina  
Muhamad Tahir  
syazrina@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) menerima laporan 15 lif di Kondominium Venice Hill di sini bermasalah namun menyifatkan penggunaan 'bom jangka' untuk menggambaran isu berkenaan sebagai tidak wajar.

JKKP dalam satu kenyataan berkata, istilah itu boleh menimbulkan ketakutan yang tidak perlu dalam kalangan penduduk manakala isu elemen kerosakan sengaja pula adalah di luar bidang kuasa pihaknya.

Tegasnya, istilah 'bom jangka' dalam kes itu merujuk kepada kod ralat E46 dan E80 pada sistem kawalan lif di penempatan berkenaan dan tidak merujuk kepada mana-mana elemen bom fizikal.

"Istilah ini bukan merujuk kepada bom fizikal tetapi digunakan oleh pihak Firma Kompeten (FK) dalam berkomunikasi dengan Badan Pengurusan Bersama (JMB) kondominium itu," katanya mengulas laporan Harian Metro semalam mengenai keluhan penduduk Kondominium Venice Hill, Cheras berhubung masalah lif.

Mengulas lanjut, JKKP turut dimaklumkan penyelenggaraan bagi lif bangun

nan kediaman itu dalam proses pengambilalihan oleh FK baharu dan menasihati semua pihak agar lebih berhati-hati dalam memberikan sebarang ulasan teknikal bagi mengelak kekeliruan dan membimbangkan penduduk.

"Proses ambil alih penyelenggaraan lif di premis berkenaan sedang diuruskan oleh pihak JMB bersama FK dilantik," katanya yang memaklumkan JMB bertanggungjawab untuk memastikan setiap lif mempunyai Sijil Perakuan Kelayakan (PMA) yang sah dan masih berkuat kuasa.

Selain itu, JKKP berkata, kerja penyelenggaraan lif mesti dilaksanakan oleh FK yang berdaftar secara sah

dengan JKKP dan jabatan itu akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa.

"Sekiranya berlaku pertukaran kontraktor, JMB mesti memastikan FK mengemukakan permohonan ke Pejabat JKKP Negeri. JMB juga perlu memastikan FK menjalankan tanggungjawab seperti yang diperuntukkan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) dan membuat aduan sekiranya terdapat salah laku FK," katanya.

Sementara itu, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) sudah menjalankan siasatan awal dan beberapa siri perjumpaan bersama pihak berkenaan.

Araban sudah dikeluarkan untuk JMB mengadakan mesyuarat agung segera dalam mencari penyelesaian isu lif bersama penduduk.

"Kami menerima banyak aduan berhubung masalah lif di Menara 1 hingga 9 kondominium berkenaan dan isu ini berpanjangan sejak 2024 yang turut membabitkan pertikaian antara penduduk serta Ahli Jawatankuasa Perbadanan Pengurusan (MC).

"Penduduk mempertikai kos pembaikan lif yang dikatakan jutaan ringgit dan dakwaan berlaku ketidakpatuhan terhadap prosedur perolehan oleh MC selain kerja pembaikan tidak dibentangkan

dalam belanjanwan.

"Kuasa autonomi penguurusan harta bersama terletak pada MC seperti diperuntukkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) di bawah Seksyen 59 dan disebabkan itu, masalah perlu segera diselesaikan dalam mesyuarat agung bersama penduduk," kata COB dalam satu kenyataan.

Untuk aspek teknikal penyelenggaraan lif, COB berkata, ia tertakluk di bawah AKKP 1994 dan perlu melepasi piawaian keselamatan yang diputuskan JKKP.

**Sebarang masalah di kawasan anda boleh dikongsi ke e-mel Suara Anda, Kami Dengar di am@hmetro.com.my**



KERAJAAN telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi menyokong pelaksanaan penuh DGP pada 2025 yang memanfaatkan lebih 50,000 pekerja. – GAMBAR HIASAN

# 51,363 pekerja terima manfaat gaji progresif

## DEWAN RAKYAT

- 5,910 majikan mohon sertai DGP setakat tahun lalu
- 83.4 peratus sudah laksanakan insentif tersebut

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**KUALA LUMPUR** – Seramai 51,363 pekerja telah menerima manfaat di bawah Dasar Gaji Progresif (DGP) setakat 31 Disember tahun lalu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan berkata, seramai 4,025 majikan melaksanakan kenaikan gaji berdasarkan insentif DGP bagi tempoh sama.

"Dalam tempoh sama, daripada 5,910 majikan yang memohon menyertai inisiatif itu, 83.4 peratus telah melaksanakan kenaikan gaji mengikut syarat insentif DGP.

"Sektor tertinggi mengemukakan tuntutan insentif DGP adalah perdagangan borong dan runcit serta pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal," katanya pada sidang Dewan Negara di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Abdul Halim Suleiman mengenai keberkesanan pelaksanaan gaji progresif dan tahap pematuhan sektor swasta.

Khairul Firdaus berkata, DGP berjaya meningkatkan gaji me-

dian pekerja setakat 31 Disember 2025, khususnya bagi pekerja peringkat permulaan yang bekerja dalam tempoh 12 bulan.

Menurut beliau, kenaikan gaji adalah sebanyak RM300 daripada RM1,900 kepada RM2,200 iaitu peningkatan 16 peratus.

Kata beliau, bagi pekerja yang bekerja melebihi 12 bulan, gaji median meningkat RM238.85 kepada RM2,999.15 iaitu sekitar 11 peratus.

Khairul Firdaus bagaimanapun mengakui terdapat cabaran sepanjang dua tahun pelaksanaan DGP termasuk kesukaran majikan melaksanakan kenaikan gaji minimum enam peratus.

"Kadar pematuhan latihan yang masih rendah dalam kalangan majikan kecil serta kekurangan pendedahan mengenai kaedah permohonan dan penggunaan platform latihan dalam talian," tambahnya.

APRIL START

# EMPLOYABILITY INITIATIVES GET RM5M BOOST

They will be implemented at 400 higher education institutions through Perkeso

NOR AIN MOHAMED RADHI  
KUALA LUMPUR  
ainradhi@nst.com.my

**T**HE Human Resources Ministry yesterday announced a RM5 million allocation to implement initiatives aimed at enhancing the employability of graduates from public and private higher education institutions nationwide.

Minister Datuk Seri R. Ramanan said starting April, initiatives would be implemented at 400 higher education institutions through the Social Security Organisation (Perkeso).

"The programme is expected to reinforce the role of MyFuture-Jobs as a key catalyst for digitalisation and technological innovation among university students, equipping them with skills aligned with current industry demands," he said at the launch of the first immersive MyFuture-Jobs Career Exploration Centre yesterday.

Present were Human Resources secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof and Perkeso group chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Ramanan said the ministry would collaborate with the Higher Education Ministry to strategically plan and guide students' career pathways.

"We do not want students to 'explore' their future only after they have graduated. On convocation day, everyone smiles proudly on stage, but a month later, they quietly open their phones and type, 'job vacancies near my house, job vacancies with RM4,000 salary'.

"We want graduates to select career paths suited to their competencies, not because of a 'my friend joined this company, so I

will follow' fear of missing out."

Ramanan said talent mismatch emerged as a serious challenge for Malaysia, with 1.96 million workers reported to be in roles that underutilised their skills.

He said data from the Fourth Quarter 2025 Labour Force Report painted a worrying picture, despite the national unemployment rate being 2.9 per cent — the lowest level in 11 years.

"Nearly two million Malaysians were working below their actual skill level, representing a significant waste of potential. On average, one in three university graduates were employed in fields that did not align with their academic qualifications."

He said, based on Perkeso's database, there are 3.1 million job seekers.

On other matters, Ramanan said the restructuring of the Human Resource Development Corporation (HRD Corp) is expected to be fully completed by mid to late next month.

"However, like any large organisation, there is always room for improvement. So this will be a continuous process."

On the suspension of several HRD Corp officers, Ramanan said it was best to allow the investigations to conclude.

"At this time, we are making improvements. If some people call this a clean-up, that is not true. We are upgrading our systems and ensuring all the correct tools are in place so that no issues arise in the future."

On Saturday, three more officials at HRD Corp were suspended.

The latest suspensions come less than two weeks after HRD Corp suspended three members of its top management following reports by the Public Accounts Committee, the Auditor-General, and the Malaysian Anti-Corruption Commission.



Datuk Seri R.  
Ramanan

# RM5mil to boost employability

The amount will roll out initiatives to help the nation's 3.1mil job seekers

By **ZAKIAH KOYA**  
zakiah@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** A total of RM5mil will be allocated to the Social Security Organisation (PERKESO) to roll out initiatives aimed at boosting the employability of graduates and job seekers in higher education institutions.

Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan said PERKESO database has a record of 3.1 million job seekers.

He said although the country's unemployment rate stands at an 11-year low of 2.9%, a significant mismatch remains between workers and their jobs.

He said the Fourth Quarter 2025 Labour Force Report shows 1.96 million Malaysians are categorised as underemployed in terms of skills.

"Nearly two million people are working below their actual skill levels. On average, one in three graduates today is working in a field that does not align with their academic qualifications.

"This is a waste of potential that we cannot allow to persist. When talent is not placed in the right position, the national economy also suffers," he said at the launch of the MyFutureJobs Career Exploration Centre (MYCEC) at Nu



**Matching talent with position:** Ramanan (centre) at the launch of the MYCEC at NU Sentral, Kuala Lumpur. With him are Mohammed Azman (right), Human Resources Ministry deputy secretary-general Mohd Shahrin Umar (second from right) and Azman (left). — AZHAR MAHFUF/The Star

Sentral here yesterday. Also present were ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof, PERKESO chairman Datuk Seri Subahan Kamal and chief executive officer Datuk Seri

Mohammed Azman Aziz Mohammed. Ramanan said PERKESO resolved 208,000 unemployment cases last year and aims to achieve its annual target of 200,000 job

placements this year. "As of February, we have solved 12,000 unemployment cases," he added. MYCEC is the country's first immersive hub designed to help

job seekers match their qualifications and skills with suitable employment opportunities.

"We are creating this ecosystem as a one-stop centre. You come here and apply for a job.

"AI will tell you which area best suits you, whether it's manufacturing, engineering, high-skilled training, computer science or other fields.

"Once it is identified, you can access the same portal, where job opportunities will also be displayed," said Ramanan.

He added that if MYCEC proves successful, more centres would be set up in other cities.

He also urged PERKESO to engage directly with university students and job seekers on campuses and within communities to provide face-to-face guidance.

Beginning April, the initiative will involve 400 higher education institutions nationwide, further strengthening MyFutureJobs as a catalyst for digitalisation and technological innovation among students.

**WATCH THE VIDEO**  
TheStarTV.com

## Suspension of HRD Corp members is not a 'clean-up'

**KUALA LUMPUR:** The suspension of HRD Corp members is not "a clean-up", says Datuk Seri R. Ramanan.

The Human Resources Minister said ongoing investigations into misconduct by those suspended must be completed before HRD Corp can implement improvements, adding the restructuring is expected to be completed mid-March.

"Regarding this suspension issue, whether there was misconduct or not, we will let the investigation be completed first.

"We are currently making

improvements. If some people say this is a 'clean-up', that is not true."

He also added that only qualified people will fill positions during restructuring exercise, even if they are political party members.

"We are upgrading and making sure we are putting all the correct tools in place so that no problems will arise in the future," he told the media after launching the MyFutureJobs Career Exploration Centre.

The minister was asked to comment on the recent suspension of six HRD Corp members as part of

its move to strengthen its institutional integrity.

"Previously, many issues were raised and investigated. In the Auditor-General's Report, there were still many disputes.

"To correct all of this, we must make some changes. With the changes that will take place, I am confident there will be improvements in governance as well as in the operations of programmes and initiatives under HRD Corp," he said.

Ramanan said while professionals had been appointed to the body, hirings from political par-

ties would be considered as long as the person is qualified.

"So far, we have appointed a former CEO of a government-linked company commission and a former deputy secretary-general of the Treasury. That is the kind of people we are putting in place.

"If someone from any party is qualified and can carry out their duties properly according to governance standards and the requirements under HRD Corp regulations, then there is no problem. But at the moment, there are none," he said.

On Feb 6, HRD Corp announced the suspension of three top management members based on findings in reports from the Public Accounts Committee (PAC), the Auditor-General and the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC).

On Feb 21, another three management members were suspended.

Its chief executive officer Datuk Mohamed Shamir Abdul Aziz said the suspensions were a procedural measure to preserve the independence of an ongoing internal review.